

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 12.11.2025 MASA: 10:00PG

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN
YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN
ABDUL HAMID
DATUK BANDAR

SEMPENA
MAJLIS JASAMU DIKENANG
CIK HAJAH NOORHANIS BINTI NOORDIN

TARIKH / MASA / TEMPAT
18 NOVEMBER 2025 (SELASA)
11.00 PAGI

RUANG KERAIAN TINGKAT 16, MENARA BANDARAYA
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI
SEBERANG PERAI TENGAH

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi, Salam Sejahtera, Salam Penang2030 dan Salam Malaysia
MADANI,

1. Marilah kita bersama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya jua, kita dapat berhimpun pada pagi yang penuh makna ini dalam **Majlis Jasamu Dikenang** bagi meraikan seorang pegawai yang amat kita hormati dan sayangi, iaitu **Cik Hajah Noorhanis binti Noordin**.
2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Cik Hajah Noorhanis atas segala jasa, pengorbanan, integriti dan khidmat bakti yang telah dicurahkan sepanjang tempoh perkhidmatan selama 30 tahun dalam perkhidmatan awam dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP). Sesungguhnya, tidak ternilai jasa yang telah ditinggalkan dan tidak terhitung sumbangan yang telah dicurahkan.
3. Setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah turut saya rakamkan kepada barisan Ahli Majlis, Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai-Pegawai Kanan, warga kerja MBSP serta semua hadirin yang hadir. Kehadiran tuan-tuan dan puan-puan bukan sekadar memeriahkan majlis, tetapi menjadi simbol penghormatan dan penghargaan tulus kepada insan yang diraikan pada hari ini.

4. Untuk rekod, Cik Hajah Noorhanis memulakan kerjaya sebagai Arkitek Gred J3 pada 1 September 1995 di Majlis Perbandaran Pulau Pinang, kini dikenali sebagai Majlis Bandaraya Pulau Pinang. Setelah menabur bakti selama lebih dua (2) dekad di sana, beliau ditukar lantik ke MBSP pada 1 Disember 2017.
5. Jawatan terakhir yang disandang ialah Pengarah Bangunan, Arkitek Gred J14, dan sepanjang kepimpinan beliau, banyak dasar, pembaharuan dan projek pembangunan bangunan bandaraya telah berjaya dilaksanakan dengan penuh profesionalisme, amanah serta integriti.
6. Kita amat menghargai karakter beliau yang sentiasa tenang dalam tindakan, tajam dalam membuat keputusan dan tegas apabila memikul amanah. Beliau bukan sahaja seorang pengarah dan arkitek yang cemerlang, tetapi juga mentor, rakan kerja dan penasihat yang disegani oleh semua.
7. Semangat kerja berpasukan, komitmen tinggi serta disiplin profesional yang beliau tunjukkan menjadi contoh terbaik kepada seluruh warga MBSP. Sumbangan beliau bukan sahaja memperkukuh organisasi, malah meninggalkan kesan yang mendalam terhadap budaya kerja dan pentadbiran yang semakin matang dan berintegriti.
8. Pada hari ini, Cik Hajah Noorhanis hadir bukan lagi sebagai warga kerja MBSP, tetapi sebagai ahli keluarga besar MBSP yang sentiasa

diraikan dan sentiasa dialu-alukan. Saya mewakili seluruh warga MBSP ingin menyatakan, kami berasa kehilangan.

9. Namun dalam masa yang sama, kami berbangga kerana Cik Hajah Noorhanis telah menamatkan perkhidmatan dengan penuh maruah, penuh pencapaian dan penuh kenangan bermakna. Inilah legasi sebenar seorang penjawat awam yang berjaya; bukan hanya bangunan yang ditinggalkan, tetapi nilai, ilmu, disiplin dan sistem yang diteruskan.
10. Saya mendoakan agar Cik Hajah Noorhanis terus dikurniakan kesihatan yang berpanjangan, ketenangan jiwa dan kehidupan yang penuh keberkatan. Walaupun bersara, hikmah, kepakaran dan ilmu yang dimiliki masih amat relevan dan diperlukan. Pintu MBSP sentiasa terbuka andai diperlukan buah fikiran dan nasihat daripada beliau, kerana persaraan bukan pengakhiran, ia adalah permulaan lembaran baharu.
11. Akhir kata, MBSP merakamkan setulus-tulus penghargaan kepada Cik Hajah Noorhanis binti Noordin atas segala jasa dan pengorbanan selama 30 tahun dalam perkhidmatan awam. Semoga ukhuwah, silaturahim dan kenangan indah yang terjalin akan kekal selamanya.
12. Terima kasih sekali lagi kerana menjadi sebahagian daripada sejarah dan pembangunan MBSP. Semoga Allah SWT sentiasa merahmati

setiap langkah kehidupan selepas ini. Dengan penuh takzim, izinkan saya mengungkapkan kata-kata penghargaan:

“Jasa yang ditinggalkan menjadi teladan,

Ilmu yang dicurahkan menjadi bekalan,

Sumbangan yang dihulurkan menjadi ingatan.”

Sekali lagi, tahniah dan selamat maju jaya menjalani fasa baharu kehidupan sebagai YB; Yang Bersara.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.